

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
PTHS 7G/24/2023

Dalam perkara Seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara, 1965

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.....PEMEGANG GADAIAN
(Dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)
DAN

MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (NO. K/P : 820904-07-5675 / NO. TENTERA : 1125176).....PENGGAJAI
Dalam menjalankan perintah Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor yang bertarikh 19/2/2025 adalah dengan ini diisytiharkan
bahawa Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor dengan dibantu oleh Pelelong Berlesen akan menjual dengan lelongan
awam seperti yang tersebut dibawah :-

AKAN MENJUAL DENGAN LELONGAN AWAM

PADA HARI RABU BERSAMAAN 7HB MEI, 2025 PADA JAM 10.30 PAGI
DI PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR,
JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR DARUL EHSAN

**NOTA : Kami mensyorkan supaya bakal pembeli membuat carian rasmi/membuat segala penyiasatan dan memeriksa
hartanah diatas sebelum sebarang urusan/ transaksi atau membuat tawaran.**

BUTIR-BUTIR HAK MILIK :-

HAKMILIK	:	HSM 5305
LOT NO.	:	PT 19955
TEMPAT	:	Taman Serendah Makmur
MUKIM/DAERAH/NEGERI	:	Serendah / Hulu Selangor / Selangor Darul Ehsan
LUAS TANAH	:	92 meter persegi (990 kaki persegi)
CUKAI TAHUNAN	:	RM 49.00
KEGUNAAN TANAH	:	Bangunan
PEGANGAN	:	Pajakan selama 99 tahun, berakhir pada 2hb Januari, 2105.
PEMILIK BERDAFTAR	:	MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (1/1 Bahagian)
SYARAT-SYARAT NYATA	:	Bangunan Kediaman
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
BEBANAN	:	Dicagarkan kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, melalui No. Perserahan 2006/2007, didaftar pada 4hb Disember, 2007.

LOKASI DAN KETERANGAN HARTANAH :

Hartanah ini adalah sebuah rumah teres dua (2) tingkat lot tengah yang beralamat di No. 15, Jalan Kekwa 6, Taman Serendah Makmur, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan. Hartanah ini terletak 13.5 km dari Pusat Bandar Rawang.

HARGA RIZAB : Hartanah tersebut akan dijual dalam keadaan sedia ada tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM 243,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : DUA RATUS EMPAT PULUH TIGA RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada Syarat-syarat Jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan. Setiap penawar yang ingin membuat tawaran dikehendaki mendepositkan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf atas nama LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM, sebelum 9.30 pagi pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh penawar yang berjaya dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada pemegang gadaian iaitu tidak lewat dari 3/9/2025. Tiada lanjutan masa dibenarkan. Sekiranya harga belian tidak dibayar sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan maka deposit akan dilucuthak dan dilupuskan mengikut seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).

Untuk keterangan lanjut sila hubungi pejabat Tanah Hulu Selangor atau peguamcara dan pelelong yang tersebut dibawah ini :-

RAMU A/L DURAISAMY (Pelelong Berlesen)
JRAUCTIONEER & PROPERTY CONSULTANT
No. 14A, Jalan Samarinda 31,
Taman Mesra 3A, 41100, Klang, Selangor
Tel : 010-226 8171 / H/P : 011-2687 0738
Ruj : JRA/PTHS/A&W/MHBMH/1010/2025/R1

TETUAN AZHAR & WONG (peguamcara)
16-8, Level 6, Menara Centara, 360, Jalan
Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2602 3898 / Faks : 03-2602 3740
Ruj : RL/LPPSA-LIT/12565-1040

SYARAT-SYARAT JUALAN LELONG

1. i. Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadaai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253 (3) KTN.
ii. Seseorang yang Bukan Warganegara Malaysia atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan ke atas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 433B(4) KTN).
iii. Seseorang yang telah diisytiharkan mufis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang mufis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Draf Bank atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**, pada hari lelongan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** (Seksyen 263(2)(e) KTN).
3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat pelantikan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** semasa mendaftar.
4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, beliau hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri dengan syarat bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang Melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil.
5. Syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11 (Bagi pemilikan bumiputera).
6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan "My Kad" asal dan salinan.
7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d) KTN).
8. Tertakluk kepada Perenggan 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.
9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** pada bila-bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula. (Seksyen 265(2) KTN).
10. **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3) KTN)
11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1)(a) KTN).
12. Selepas penukul dijatuhkan, tambahan deposit hendaklah dibuat pembayarannya mencukupi 10% dari nilai jualan atau dijelaskan bersama baki harga belian oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada "**SATU RATUS DUA PULUH (120) HARI**" daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan (Seksyen 263 (g) KTN). Sebarang rayuan ke atas lanjutan masa adalah tidak dipertimbangkan.
13. Wang deposit akan dimasukkan ke dalam akaun penggadaai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucut hak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
14. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucut hak dan hendaklah terpakai mengikut seksyen 267A KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut.
 - i. Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan di bawah seksyen 268(1) (a) & (b) dan ;
 - ii. Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada yang dipegang milik di bawah akaun penggadaai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c), (d) dan (e).

15. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** dan Penggadai bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A KTN).
16. Pemegang gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima. (Seksyen 268A(1) KTN)
17. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** tidak lewat daripada **Tiga Puluh (30) hari** setelah penerimaan keseluruhan wang belian (Seksyen 268A(3) KTN)
18. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihai khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
19. Wang belian yang diperolehi dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut ; (Seksyen 268 KTN).
 - i. Untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan dan setakat mana, tiada orang lain selain dari penggadai adalah bertanggungjawab terhadapnya, apa-apa perbelanjaan lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, segala perbelanjaan seperti yang disahkan oleh Pentadbir Tanah yang dibuat berhubung dengan pembuatan dan pelaksanaan perintah jualan; iaitu segala tunggakan bayaran Cukai Tanah, Cukai Taksiran dan semua bil-bil tuntutan Perkhidmatan Pelelong sehingga tarikh lelongan.
 - ii. Untuk membayar kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang di bawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan , untuk menjamin pembayaran satu anuiti atau jumlah berkala yang lain dan membayar gadaian-gadaian yang lain, jika ada.
 - iii. Baki, jika ada, dari wang belian hendaklah dibayar kepada penggadai.
20. **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** tidak bertanggungjawab mengenal apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.
21. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen masing-masing.
22. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.
23. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 16O KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** **selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam** berserta dengan bayaran sebanyak RM 3000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja). Borang 16O KTN yang diserahkan **kurang dari tujuh (7) hari** sebelum tarikh lelongan hendaklah **DITOLAK**. (Seksyen 264A KTN)
24. Di mana satu perakuan jualan (Sjil Jualan Borang 16I) telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperoleh kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak diguna pakai. (Seksyen 301 KTN)
25. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas-Bab 3-Remedi Pemegang Gadaian : Jualan, Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.

KONTRAK

MEMORANDUM : Dalam jualan secara Lelongan Awam pada **7hb Mei, 2025** mengenai hartanah **HSM 5305 , PT 19955, Tempat Taman Serendah Makmur, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Negeri Selangor Darul Ehsan.** yang beralamat pos di **No.15, Jalan Kekwa 6, Taman Serendah Makmur, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan.**

Nama : _____

No. k/p : _____

Alamat : _____

adalah penawar tertinggi dan diisytiharkan sebagai pembeli hartanah tersebut dengan sejumlah **Ringgit Malaysia** : _____

dan telah membayar kepada Pemegang Gadaian, **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebanyak RM _____ sebagai deposit dan bersetuju membayar baki harga pembelian dalam tempoh **satu ratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari **3hb September 2025** dan menyempurnakan pembelian tersebut mengikut syarat-syarat jualan dan **TETUAN AZHAR & WONG**, peguamcara bagi pihak Pemegang Gadaian mengaku menerima wang deposit tersebut.

HARGA BELIAN : RM _____

DEPOSIT DIBAYAR : RM _____

BAKI : RM _____

(PEMBELI / EJEN BERKUASA)

NAMA :

NO. K/P :

NO. TEL :

PEGUAM / PEMEGANG GADAIAN
TETUAN AZHAR & WONG

PENTADBIR TANAH
DAERAH HULU SELANGOR

PELELONG BERLESEN
RAMU A/L DURAISAMY

PROCLAMATION OF SALE

ORDER OF SALE AT THE INSTANCE OF CHARGE

PTHS 7G/24/2023

In the matter of Section 257 and 263 National Land Code, 1965

BETWEEN

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.....CHARGE
(Formerly known as Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)
AND

MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (NRIC NO. : 820904-07-5675 / ARMY NO. : 1125176).....BORROWER

In pursuance to the Order of the Pentadbir Tanah Hulu Selangor made herein on 19/2/2025 respectively it is hereby proclaimed that the Pentadbir Tanah Hulu Selangor with the assistance of the undermentioned Licensed Auctioneer :-

WILL SELL BY PUBLIC AUCTION

ON WEDNESDAY THE 7TH DAY OF MAY, 2025 AT 10.30 A. M.
AT PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR,
JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR DARUL EHSAN.

NOTE : We would recommend the intending purchaser/s or bidders to carry out an official title search and inspect on the subject property before any dealing/transaction or bidding.

PARTICULARS OF TITLE :-

TITLE NO.	:	HSM 5305
LOT NO.	:	PT 19955
LOCALITY	:	Taman Serendah Makmur
MUKIM/DISTRICT/STATE	:	Serendah / Hulu Selangor / Selangor
LAND AREA	:	92 Sq.meters (990 Sq feet)
ANNUAL RENT	:	RM 49.00
CATEGORY OF LAND USE	:	Building
TENURE	:	99 years leasehold interest expiring on 2nd January 2105.
REGISTERED OWNER	:	MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (1/1 Share)
EXPRESS CONDITION	:	Residential Building.
RESTRICTION IN INTEREST	:	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
ENCUMBRANCES	:	Charged to Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, vide Presentation No.2006/2007, registered on 4th December, 2007.

LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY

The subject property comprises an intermediate double storey terraced house bearing postal address **No. 15, Jalan Kekwa 6, Taman Serendah Makmur, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan.** The subject property is situated about 13.5 km from Rawang Town.

RESERVE PRICE : The property will be sold "as is where is" basis subject to a reserve price of **RM 243,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : TWO HUNDRED FORTY THREE THOUSAND ONLY)** and to the Conditions of Sale stated in the Proclamation Of Sale. All intending bidders are required to deposit **10%** of the reserve price by **Bank Draft** in favour of **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM, before 9.30 a.m.** on the day of public auction and the balance of the purchase price to be paid by successful bidder within **one hundred twenty (120) days** from the date of public auction sale (on or before 3/9/2025) to **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**. No extension of time is allowed. If the balance purchase price is not fully settled within 120 days by the successful bidder the deposit paid by the successful bidder will be forfeited by under Section 257 of the national land code 1965 (KTN).

For further particulars, please contact the Hulu Selangor Land Office or the Solicitors and Auctioneer listed below :-

RAMU A/L DURAISAMY (Licensed Auctioneer)
JRAUCTIONEER & PROPERTY CONSULTANT
No. 14A, Jalan Samarinda 31,
Taman Mesra 3A, 41100, Klang, Selangor
Tel : 010-226 8171 / H/P : 011-2687 0738
Ref : JRA/PTHS/A&W/MHBMH/1010/2025/R1

TETUAN AZHAR & WONG (Solicitors)
16-8, Level 6, Menara Centara, 360, Jalan
Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2602 3898 / Fax : 03-2602 3740
Ref : RL/LPPSA-LIT/12565-1040

ஏல விற்பனைப் பிரகடனம்
அடமானம் காரணமாக விற்பனை உத்தரவு
(PTHS.76/24/2023)
Dalam Perkara Seksyen 257 Kanun Tanah Negara, 1965

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.....இடையில்.....கடன் தந்தவர்
(Dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)
MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (K/P NO. 820904-07-5675 / NO. TENTERA : 1125176).....மற்றும்.....கடன் வாங்கியவர்

இந்த பிரகடனத்தின் வழி தெரிவிப்பது என்னவெனில் 19.2.2025 அன்றைய ஒப்புதல் படி மேற்காணும் கடன் வாங்கியவரின் சொத்து கீழ்காணும் அலுவலகத்தில் ஏலம் நடைபெறும்.

எதிர்வரும் 7.5.2025 புதன்கிழமை காலை மணி 10.30க்கு,
பெஜாபாட் தானா / டஹேரா ஹுலு சிலாங்கூர், ஹுலு சிலாங்கூர்
ஜாலான் புக்கிட் கெராஜாஹான், 44000 கோலா குபு பாரு, சிலாங்கூர் டாருல் ஏசான்.

பெஜாபாட் தானா / டஹேரா ஹுலு சிலாங்கூர், அலுவலக அறையில் பகிரங்கமாக ஏலம் கூலி விற்கக்கப்படும்.

குறிப்பு ; இச்சொத்தை வாங்க விரும்புவவர்கள், இந்த சொத்தில் ஏதேனும் பிரச்சனைகள் உள்ளதா என்பதை முதலில் தெரிந்து கொண்டு நடவடிக்கையில் இறங்குமாறு கேட்டுக் கொள்கின்றோம்.

கட்டிடம் எண் ; HSM 5305 லோட் எண் ; PT 19955, முக்கிம் / மாவட்டம் / மாநிலம் ; செரெண்டா/ஹுலு சிலாங்கூர் /சிலாங்கூர் டாருல் ஏசான்.

சொத்தின் முகவரி ; No. 15, Jalan Kekwa 6, Taman Serendah Makmur, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan.

ஒதுக்குரிமை விலை ; RM243,000.00

மேல் விபரங்களுக்கு தயவு செய்து இதன் வாதிமான வழக்கறிஞர் ; Tetuan : Azhar & Wong, 16-8, Level 6, Menara Centara, 360, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. Ruj : RL/LPSA-LIT/12565-1040. அல்லது கீழ்காணும் ஏலா அதிபர் அவர்களிடம் தொடர்பு கொள்ளவும்.

JR AUCTIONEER & PROPERTY CONSULTANT
நம்பர் 14A, ஜாலான் சமாரிண்டா 31,
தாமான் மெஸ்ரா 3A, 41000 கிள்ளான்,
சிலாங்கூர் டாருல் ஏசான்
Tel : 03- 5161 7090 / Ref: JRA/PTHS/A&W/MHBMH/1010/2025/R1

ராமு த/பெ துரைசாமி
பதிவு பெற்ற ஏலாதிபர்
010-226 8171

拍賣通告

事關受押人所申請之售賣指令列號 PTUS 76/24/2023

受押人: LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

抵押人: MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (身份證號碼: T 1125176)

事關於 瓜拉雪蘭莪土地注册官发出有关上述之条例, 下列產業將于 7/5/2025, 星期三, 10.30 A.M.由以下拍賣師協助下, 在 DI PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR, JALAN KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR DARUL EHSAN 舉行公開拍賣.

备注: 建议投票者在任何交易或报价之前检查和调查物业

地契: HSM 5305, 地段: PT 19955, 鎮/區/州: 八丁燕帶/ 瓜拉雪蘭莪/ 雪蘭莪, 面積: 92 平方公尺, 年稅: -, 用途: 住宅. 优先条件: 住宅建筑, 特定条件: 除非在获得州政府代表批准下, 此土地不得转让, 抵押或转卖, 期限: Pajakan selama 99 tahun, tarikh tamat pada 10hb April, 2101, 註冊業主: MOHD HAIZAN BIN MOHAMAD HASSAN (1/1 份), 負債: 抵押与 LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM, 于 4/12/2007 注册之提呈號 2006/2007.

該產業為旁边单層排屋. 地址 No. 15, Jalan Kekwa 6, Taman Serendah Makmur, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan.

該產業將按照保留價 RM 243,000.00 及其它拍賣條件下出售. 欲投標者須在拍賣前 9.30 a.m.以銀行匯票抬頭 LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM 事先寄存保留價之 10%, 余額在 (120) 天内付清該銀行. 欲知詳情, 請聯絡: TETUAN AZHAR & WONG, 受押人之律師, 16-08, Level 16, Menara Centara, 360 Jalan Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. (Tel : 03-2602 3898 / Fax : 03-2602 3740) (Ruj : RL/LPPSA-LIT/12565-1040) 或以下拍賣師

JR AUCTIONEER & PROPERTY CONSULTANT
No. 14A, Jalan Samarinda 31, Taman Mesra 3A, 41100 Klang, Sel. D. E.
Tel: 03-51617090 / E-mail: retnah_m@yahoo.com.my
Ruj: JRA/PTHS/A&W/MHBMH/1010/2025/R1

RAMU A/L DURAISAMY (拍賣師)
Tel: 010-226 8171

(本文為翻譯版本, 一切均以馬來文為準)